

13/11/1998

Sukar bagi BN terima semula PBS

SHAH ALAM, Khamis - Parti Bersatu Sabah (PBS) tidak mungkin diterima semula menyertai Barisan Nasional (BN), kata Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Mohamed Rahmat hari ini.

Menurutnya, beliau tidak nampak langsung kemungkinan itu kerana BN di Sabah kini mempunyai keanggotaan yang mencukupi dan sebarang pertambahan parti hanya menimbulkan masalah.

"Kita pun dah cukup orang dalam BN di Sabah. Setakat ini saya tak fikir BN boleh terima PBS," katanya ketika ditanya mengenai kemungkinan PBS diambil semula menyertai BN jika ada permohonan daripada parti itu.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani perjanjian persefahaman berkaitan Motorsport '98 di sini hari ini, Mohamed berkata keadaan tidak memaksa BN menambah komponennya di Sabah walaupun banyak parti yang berhasrat menyertainya.

PBS keluar daripada gabungan itu beberapa hari sebelum pilihan raya umum pada Oktober 1990. BN kini menguasai 43 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri, PBS empat dan Bebas satu.

BN Sabah dianggotai sembilan parti iaitu Umno, Parti Demokratik Sabah, Parti Maju Sabah, Akar Bersatu, Parti Bersatu Rakyat Sabah, MCA, Gerakan, Parti Liberal Demokratik dan MIC.

Mengenai pengagihan kerusi pilihan raya Sabah yang perlu diadakan selewat-lewatnya pada Mac depan, Mohamed berkata komponen BN boleh mengemukakan cadangan masing-masing tetapi keputusan muktamad akan dibuat oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya percaya lobi untuk kerusi memang kuat. Tapi saya tak fikir ia jadi masalah pada pilihan raya Sabah dan pengagihan mengenai kerusi sedang diteliti," katanya.

Mohamed berkata, parti komponen BN seharusnya mengutamakan kemenangan dan mempertahankan kerajaan yang sedia ada.

"Kita mesti ada semangat tolak-ansur dalam hal ini. Kalau keputusan sudah dibuat tentang pengagihan kerusi, semua komponen perlu bekerja kuat untuk menangkan calon BN yang akan ditentukan oleh Perdana Menteri," katanya.

Beliau yakin tidak akan berlaku masalah mengenai pengagihan kerusi kerana keadaan di Sabah stabil dan BN berupaya kekal dengan kekuatan yang sedia ada.

(END)